

04/09/1998

Pemuda BN tetap taati Dr Mahathir

KUALA LUMPUR, Khamis - Pemuda Barisan Nasional (BN) mengulangi pendiriannya untuk terus taat kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Pengerusi BN, bagi memastikan kestabilan politik dan kemantapan ekonomi negara tetap terpelihara.

Pengerusinya, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, berkata pergerakan itu memandang berat perkembangan terkini yang berlaku dalam pucuk pimpinan negara, khususnya berhubung kedudukan Datuk Seri Anwar Ibrahim yang dilucutkan daripada Kabinet semalam.

"Pemuda BN meminta semua pihak agar bertenang dan terus bersatu dalam menghadapi situasi sekarang," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat yang dihadiri semua 14 pemimpin Pemuda parti komponen BN di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), hari ini.

Anwar dilucutkan jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan berkuatkuasa jam 5.30 petang semalam.

Ditanya apa yang dimaksudkan dengan 'memandang berat', Ahmad Zahid berkata keadaan politik sebelum ini cukup tenang tetapi Pemuda BN menganggap perkembangan terbaru ini satu 'perkembangan yang berat'.

"Kami rasa situasi ini berat kerana tak terpikullah bahu kami untuk menganalisis dan memberikan interpretasi kepada situasi sekarang," katanya.

Zahid berkata, Pemuda BN yakin keadilan dan kebenaran akan ditegakkan dan jika ada sesuatu kes yang mahu dibawa terhadap Anwar.

Pemuda BN, katanya, yakin dengan proses perundangan yang akan menentukan keadilan dan kebenaran itu terus ditegakkan melalui sistem perundangan yang ada.

"Dan kita yakin dengan sistem perundangan ini, sesuatu perkara itu dapat diadili seadil-adilnya," katanya.

Ketika ditanya wartawan asing sama ada Ahmad Zahid berasakan Anwar bersalah terhadap apa-apa perbuatan, beliau menjawab: "Kita serahkan kepada mahkamah."

Zahid juga meminta anggota Pergerakan Pemuda Umno supaya bertenang dan bertindak secara rasional.

(END)